

Rujukan : UKM KPD/262/3
Tarikh : 16 Julai 2018

Semua Pelajar
Program Prasiswa
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2018-2019

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 1 Sesi Akademik 2018-2019 akan **bermula pada 10 September 2018**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

PERKARA	BUTIRAN
PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2018-2019	Pelajar yang telah membuat pendaftaran awal boleh menyemak kursus yang telah didaftarkan di SMPE. Manakala bagi pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal, boleh mendaftar kursus dalam tempoh tambah kursus bermula 10 September 2018 . Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan.
CAJ LEWAT MENDAFTAR	Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan PKP.

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 5585/5609 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR	Pelajar akan diberikan status “ DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR ” jika tidak membuat pendaftaran sehingga selewat-lewatnya pada 13 Oktober 2018 .
JADUAL PERKULIAHAN	Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web PKP selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan bermula . Pelajar juga dinasihatkan sentiasa menyemak jadual kuliah untuk makluman terkini.
PEMBAYARAN YURAN	<p>Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran tertunggak dan semasa. Sila buat pembayaran yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester sebelum atau pada 24 Ogos 2018.</p> <p>Pelajar yang mempunyai penaja, sila serahkan surat daripada penaja ke Bahagian Kewangan PKP jika belum berbuat demikian.</p> <p>Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan Portal E-Kewangan.</p>
MUET SEBAGAI SYARAT PENGIJAZAHAN	<p>Pelajar program prasiswazah perlu lulus MUET sebagai salah satu syarat pengijazahan. Bagi pelajar bermula Sesi Kemasukan 2016-2017, pelajar perlu memperolehi keputusan MUET sekurang-kurangnya band 2. Manakala pelajar kemasukan sebelum 2016/2017, keputusan MUET sekurang-kurangnya band 1.</p> <p>Pemberitahuan dari Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) berkenaan tempoh sah laku keputusan MUET adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bagi keputusan MUET yang dikeluarkan sebelum tahun 2009, tempoh sah lakunya adalah hingga 18 Julai 2013. b) Bagi keputusan MUET yang dikeluarkan mulai tahun 2009, tempoh sah lakunya ialah lima


	tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.
BIODATA PELAJAR DI SMPE	Pelajar juga bertanggungjawab untuk memastikan biodata pelajar di SMPE adalah terkini pada setiap semester.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 2 Sesi Akademik 2017-2018.

Selamat maju jaya dalam menghadapi pembelajaran untuk masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



NOOR SUZILAWATI BINTI DESA
 Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
 b.p. Timbalan Pengarah

- s.k. - Penyelaras Program
 - Ketua Pentadbiran, PKP
 - Bahagian Kewangan, PKP

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Telefon: +603-8921 5585/5609 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>